

11,450 Pelajar UniMAP Terima BB1M



Seramai lebih 11,000 pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menerima baucar buku 1Malaysia (BB1M) dengan nilai keseluruhan berjumlah RM2,862,500. Edaran baucar berkenaan diterima oleh barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniMAP ketika Naib Canselor UniMAP, Datuk Prof Dr Kamarudin Hussin menyampaikan replika baucar sebagai gimik pelancaran, diketuai Yang Dipertua MPP, Farizah Abdul Rahman ketika Perjumpaan Mingguan Naib Canselor di Kampus Kubang Gajah, di sini, hari ini. Farizah berkata, BB1M ini sangat memberi manfaat kepada mereka sebagai bagaimana mengurangkan kos sara hidup.